

23 APR 2002

Hamid-Sebat

SUMBANG MAHRAM PERLU HUKUMAN CEGAH, KATA HAMID OTHMAN

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Hukuman yang hendak dilaksanakan terhadap pesalah sumbang mahram perlu berbentuk pencegahan agar perbuatan itu akhirnya tidak lagi berlaku dalam masyarakat, kata Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman.

Beliau berkata pandangan masyarakat terhadap pelaku jenayah itu selepas menerima hukuman perlu juga diambil kira.

"Adalah lebih baik hukuman yang hendak dikenakan bersifat satu pencegahan," kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri majlis taklimat tentang dasar kerajaan dan Islam anjuran Kumpulan Bank EON di sini hari ini.

Hamid, yang juga Pengerusi Biro Agama Umno berkata, kerajaan perlu diberi peluang terlebih dahulu untuk memikirkan cadangan hukuman sebat itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata hukuman sebat di khalayak ramai terhadap pesalah sumbang mahram boleh dilaksanakan jika rakyat memberikan mandat kepada kerajaan untuk berbuat demikian.

Di MELAKA, bekas Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) Datuk Dr Ismail Ibrahim berkata hukuman sebat di khalayak ramai boleh menjadi satu cara untuk membendung masalah sumbang mahram tetapi sesi kaunseling dan pendidikan kepada masyarakat juga diperlukan.

Beliau berkata pendekatan yang menyeluruh termasuk pendidikan kepada institusi keluarga dan ibu bapa penting kerana masalah itu melibatkan keluarga berkenaan.

"Orang yang melakukan sumbang mahram ini mengalami masalah kejiwaan, oleh itu pendekatan secara pakar jiwa diperlukan," kata Ismail.

Sementara itu, Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam menyokong cadangan hukuman sebat itu dan berharap ia juga mendapat sokongan rakyat.

"Walaupun pelaksanaan hukuman itu mungkin tidak dapat membanteras gejala berkenaan 100 peratus, kalau kita tidak cuba, kita tidak tahu keberkesanannya," kata beliau kepada pemberita.

Menurutnya pelaksanaan hukuman itu bukan untuk memalukan pesalah, sebaliknya memberi pengajaran kepada orang lain agar tidak melakukan perbuatan itu.

Beliau turut bersetuju bahawa pesalah juga patut diberi kaunseling kerana ia merupakan satu masalah kejiwaan.

-- BERNAMA

SBS NMO